Alive in Jesus

Beginner

PANDUAN GURU

Year A, Quarter 1

Creation

Rangka Program Ringkas

Tahun A, Kwartal 1

ALU-ALUAN DAN MASA SENSORI

PUJI-PUJIAN

- **"Shake a Little Hand and Say Good Morning"** (berjabat tangan)
- **"Colors"** (bebuih)
- **"Jesus Made the Sunshine"** (matahari dan ranting)
- **"The Trees Are Gently Swaying"** (cebisan kain hijau)
- **"The Flowers Are Gently Nodding"** (bunga palsu untuk ditanam pada kotak)
- **"Animals, Animals"** (patung binatang)
- **"He's Got the Whole World in His Hands"** (golekkan bola pada setiap tangan)
- **"1 . . . 2 . . . 3, God Loves Me"** (cermin)
- **"Sabbath Is a Happy Day"** (alat musik atau marakas)

Imbas kod QR untuk musik:

qr.aij.info/BA1Music

DOA

- Nyanyi **"When It's Time to Pray."**

CERITA ALKITAB INTERAKTIF

- Nyanyi **"I Open My Bible Carefully."**
- Lihat prop mingguan dan cadangan cerita

AYAT HAFALAN

- Pegang Alkitab, nyanyi **Scripture Song**, dan katakan ayat hafalan bersama-sama. "Pada mulanya TUHAN menciptakan langit dan bumi (**Genesis 1:1**).

PERSEMBAHAN

- Nyanyi **"Here Is My Money"** sambil memunggut persembahan

SEGMEN KOTAK ALAM

- Nyanyi lagu **"Nature Box"**. Tunjukkan benda dari alam dan bincang mengenainya. Katakan **"Terima kasih Tuhan kerana menciptakan . . . .!"**

AKTIVITI IBU BAPA/ANAK

- Nyanyi **"Shall We Go for a Walk Today?"** untuk mencari benda-benda semula jadi dan kad Penciptaan.

LAGU PENUTUP

- Berdoa untuk anak-anak dan keluarga mereka.
- **Nyanyi "Sabbath School Is Over."** Lambaikan tangan.

Program Beginner

Tahun A, Kwartal 1

Setiap minggu program akan mengikut urutan yang sama.

ALU-ALUAN DAN MASA SENSORI (5 HINGGA 8 MINIT)	**SUMBER**
• Menyambut setiap anak dan ibu bapa/penjaga dengan mesra. • Pimpin kanak-kanak ke kawasan sensori Penciptaan. • Menyapa dan berhubung dengan ibu bapa/penjaga. • Kenali nama-nama ahli keluarga. • Memelihara suasana yang mesra (musik latar). • Tampilkan soalan kepada ibu bapa/penjaga untuk dibincangkan tentang tema suku tahun. • Jemput ibu bapa/penjaga untuk mengongsikan permintaan doa dan berdoa bersama, untuk satu sama lain dan untuk kanak-kanak.	Buku tema bergambar Kotak sensori Penciptaan

PUJI-PUJIAN (15 MINIT)	**SUMBER**
Jemput ibu bapa/penjaga untuk duduk di lantai bersama anak-anak (jika boleh) atau di belakang kerusi anak mereka supaya mereka boleh menyumbang pada masa Sekolah Sabat anak mereka. Sediakan prop lebih awal supaya perhatian kanak-kanak ditetapkan apabila masa untuk lagu seterusnya. **Lagu-lagu ini dan prop untuk setiap anak akan membentuk majoriti daripada program. Di antara setiap lagu, bincangkan tentang kasih Tuhan dan bagaimana Dia menciptakan dunia ini.** Nyanyikan lagu-lagu bersama, dorong ibu bapa/penjaga untuk bernyanyi bersama, • **"Shake a Little Hand and Say, Good Morning."** Sambut kanak-kanak dan ibu bapa/penjaga dengan **senyuman dan berjabat tangan**. Beritahu mereka anda gembira melihat mereka pada hari ini. • **"Colors."** **Tiup buih** dan bincangkan tentang warna-warna indah yang Tuhan ciptakan. • **"Jesus Made the Sunshine."** Berikan setiap anak **matahari pada ranting** untuk dilambaikan. Bincangkan mengenai matahari yang memberi sinaran dan cahaya ciptaan Tuhan. • **"The Trees are Gently Swaying."** Bincangkan tentang pepohon hijau dan bunga-bunga ciptaan Tuhan untuk kita nikmati. Berikan setiap anak **cebisan kain hijau** untuk dilambaikan. Kemudian nyanyi "The Flowers Are Gently Nodding" (lagu sama) dan berikan setiap anak **bunga palsu** untuk ditanam pada kotak. • **"Animals, Animals."** Berikan **binatang mainan** kepada setiap anak dan bincangkan tentang pelbagai binatang ciptaan Tuhan. Apakah binatang kegemaran mereka? • **"He's Got the Whole World in His Hands."** Dunia kita sangat besar, tetapi Tuhan lebih besar dan Dia mengasihi kita. Jemput kanak-kanak untuk duduk di atas lantai dan **golekkan bola** kepada satu sama lain sambil bernyanyi. • **"1 . . . 2 . . . 3, God Loves Me."** Berikan setiap anak cermin. BIncangkan betapa Yesus mengasihi setiap persatu anak. • **"Sabbath Is a Happy Day."** Berikan setiap anak **alat musik** atau marakas untuk dibunyikan sammbil bernyanyi. BIncangkan mengenai pelbagai perkara yang membuat anda suka Hari Sabat dan mengapa ia sangat istimewa.	Buih Matahari pada ranting Cebisan kain hijau Bunga palsu Binatang mainan Cermin Bola lembut Alat musik Untuk musik layari: *www.aliveinjesus.info* *qr.aij.info/BA1Music*

DOA (2 MINIT)	**SUMBER**
Nyanyi **"When It's Time to Pray"** dan bawa anak-anak untuk berlutut, lipat tangan, tutup mata. Ucapkan doa pendek atau minta mereka mengulangi anda: **"Terima kasih, Yesus, kerana menciptakan . . .** (kaitkan dengan Idea Besar mingguan). **Kami mengasihi Kamu. Amin."**	

CERITA ALKITAB INTERAKTIF (5 MINIT)	SUMBER
Katakan: **Tiba masanya untuk kita mendengar cerita tentang bagaimana Tuhan menciptakan dunia kita yang luas dan indah! Mari lihat apa dalam beg cerita kita hari ini.** *(Rujuk* **cadangan Cerita Alkitab**. *Matlamat pelajaran ditekankan dalam ungkapan "katakan bersama")* Nota: Anda juga boleh memilih untuk membaca naratif pelajaran mingguan untuk bahagian Cerita Alkitab ini.	Beg cerita mingguan

AYAT HAFALAN (2 MINIT)	SUMBER
Ingatkan kanak-kanak setiap minggu bahawa cerita tentang bagaimana Tuhan menciptakan dunia kita boleh didapati di dalam **Alkitab**. Setiap minggu, pilih satu daripada kanak-kanak untuk membuka Alktab anda. Nyanyikan lagu **Scripture Song, Genesis 1:1**, dan jemput ibu bapa dan anak-anak untuk mengatakan ayat hafalan bersama-sama: "Pada mulanya TUHAN menciptakan langit dan bumi" (Kejadian 1:1).	Alkitab Lagu, Scripture Song: Genesis 1:1

PERSEMBAHAN (3 MINIT)	SUMBER
Nyanyikan **"Here Is My Money"** dan katakan: **Kami membawa persembahan untuk menunjukkan kepada Yesus bahawa kami mengasihi Dia. Dia akan menggunakan duit kami untuk membantu orang lain mengetahui kasihnya juga.** Jemput anak yang berbeza setiap minggu untuk memungut persembahan.	Bakul persembahan

SEGMEN KOTAK ALAM (5 MINIT)	SUMBER
Nyanyi lagu "Nature Box". "Apakah di dalam Kotak Alam, saya ingin melihat sesuatu di dalam yang Tuhan ciptakan untuk saya! Adakah ia berwarna hijau/kuning/biru? Apapun itu, ia diciptakan untuk ANDA!" Tunjukkan objek alam kepada kanak-kanak dan tanya mereka soalan. (Idea Kotak Alam termasuklah: buah-buahan atau sayuran segar, kerang, daun, bunga, sarang burung, tumbuhan kecil, biji benih, atau binatang kecil/gambar binatang.) Kemudian katakan bersama, **"Terima kasih Tuhan kerana menciptakan . . . !"**	Lagu dan lirik Nature Box Kotak Alam Item Kotak Alam (sebenar, jika boleh)

AKTIVITI IBU BAPA/ANAK (5 MINIT)	SUMBER
Nyanyikan **"Shall We Go for a Walk today?"** sambil berjalan dalam kelas mencari benda-benda alam semulajadi (bunga, daun, binatang mainan). Katakan: **Dimanakah Kad Gambar Penciptaan pada hari ini? Boleh kamu mencarinya dan membawanya ke hadapan?** Minta setiap anak untuk mengongsikan apa yang mereka suka pada kad tersebut. (Sentiasa memberi pujian pada usaha mereka dan galakkan ibu bapa untuk turut serta.) Nota: Jika anda mempunyai kumpulan kanak-kanak Beginner yang lebih tua, anda boleh gunakan **templat kraf** yang disediakan. Segmen ini juga boleh disertakan dengan lagu istimewa pilihan anda untuk seseorang yang mempunyai hari jadi pada minggu itu.	Objek penciptaan (bunga, daun, binatang mainan) Kad Gambar Penciptaan: muat turun di *www.aliveinjesus.info* Templat kraf dan bahan: muat turun di *www.aliveinjesus.info*

DOA (3 MINIT)	SUMBER
Beritahu anak-anak betapa gembiranya anda mereka hadir ke Sekolah Sabat hari ini! **Berdoa:** Doakan doa pendek supaya Tuhan berada dekat dengan anak-anak dan keluarga mereka sepanjang minggu seterusnya. **Nyanyi** bersama: **"Sabbath School Is Over."** Lambaikan tangan kepada anak-anak sambil bernyanyi.	Lambaikan tangan

Cadangan Cerita Alkitab Interaktif

PERSEDIAN CERITA: Luangkan masa berdoa setiap minggu sambil bersedia dan minta pimpinan dari Tuhan.

MINGGU 1: PADA MULANYA

Beg Cerita: Bola dunia, kain hitam, benda-benda penciptaan

Jemput kanak-kanak untuk menutup rapat mata mereka.

S: **Bolehkah anda melihat sesuatu? Bolehkah anda melihat langit biru? Bolehkah anda melihat pokok? Tidak? Buka mata!**

Buka Alkitab, tunjuk, dan katakan: **Alkitab mengatakan bahawa "Pada mulanya" "bumi kosong"** Kejadian 1:1, 2).

K:**Sebelum ada apa-apa di dunia yang luas ini, adanya Tuhan** (lebarkan tangan).

Tunjukkan kanak-kanak prop cadangan dari beg cerita: bunga, binatang, ranting, buah epal, kupu-kupu (gambar/ sebenar), dan kerang.

Letakkan setiap objek di atas lantai, katakan, **"Pada mulanya, tidak ada . . ."** (perlahan-lahan tunjukkan setiap objek). Pada akhirnya tutup objek dengan kain hitam.

K: **Tuhan sedang bersedia untuk menciptakan dunia indah untuk anda dan saya! Dia akan memenuhinya dengan pelbagai jenis warna, haruman, tumbuhan binatang dan bukit-bukau!**

Say together: **Tuhan sangat baik! Dia menciptakan langit dan bumi.**

MINGGU 2: TUHAN MENCIPTAKAN CAHAYA

Beg Cerita: Kertas hitam, lampu suluh, kad Penciptaan, selimut

K: **Mari pelajari apa yang Tuhan ciptakan pada Hari 1 di bumi ini. Tuhan adalah Pencipta dan segala ciptaan-Nya sangat baik!**

Suara Tuhan yang gagah dan baik kedengaran pada dalam kegelapan, dan Dia berfirman, "Jadilah cahaya" (Kejadian 1:3). **Dan cahaya bersinar dengan terang dan berkilauan.**

(Kertas hitam sebgai kegelapan; suluhkan lampu padanya. Kemudian jemput kanak-kanak untuk mencuba.)

Buka Alkitab, tunjuk, dan katakan: **"Tuhan melihat cahaya itu baik"** (Kejadian1:4).

(Buat terowong mengunakan selimut dan kerusi; jemput kanak-kanak merangka ke dalam dan keluar menuju cahaya.

Akhiri dengan menutup mata dengan tangan anda dan mengatakan , **MALAM**, kemudian buka dan katakan, **PAGI! Peekaboo! Tuhan menciptakan langit untuk anda!** Galakkan ibu bapa/penjaga untuk membuat aksi yang sama.

Katakan bersama: **Tuhan sangat baik! Dia menciptakan cahaya.**

MINGGU 3: TUHAN MENCIPTAKAN LANGIT

Beg Cerita: Botol air, buih

S: **Adakah anda suka bangun pagi dan melihat terang di sekeliling anda?** (regangkan tangan.) **Tuhan menciptakan sesuatu yang istimewa bagi anda pada Hari 2.**

Edarkan air dalam botol untuk kanak-kanak goncangkan.

BIncangkan bagaimana bumi mempunyai cahaya indah bersinar pada permukaan air.

Buka Alkitab, tunjuk, dan kongsikan**Tuhan berfirman sekali lagi "Biarlah ada cakerawala memisahkan air!"** (Kejadian 1:6). **Ada air yang naik ke atas dan ada air di bawah. "Tuhan menamakan cakerawala itu langit"** (Kejadian 1:8). (Guna aksi tangan yang boleh diikut kanak-kanak.)

S: **Adakah anda suka melihat awan terapung-apung di atas?** Tiup buih untuk mengilustrasikan awan yang terapung-apung di langit dan jemput kanak-kanak untuk menagkapnya.

Katakan bersama: **Tuhan sangat baik! Dia menciptakan langit.**

Kraf

Minggu 1: Pada mulanya

Gunting tingkap pada kertas putih. Gunting garisan tengah, atas dan bawah. Lipat garis kanan dan kiri supaya ia terbuka seperti tingkap. Glue the white paper onto the colorful picture. Children can open the windows to show the nature pictures underneath.



Minggu 2: Tuhan menciptakan cahaya

Gunting bentuk separuh bulat dari kertas kontak jernih. Letak kertas tisu atau selofan berwarna kuning dan jingga pada bahagian kertas kontak yang melekat. Gunting rangka tingkap dari kadstok berwarna hitam. Tampal kadstok hitam tadi pada kertas kontak jernih dan lekatkan dengan pelekat/gam. Letakkan pada tingkap supaya cahaya boleh menyinarinya.